



Hanya amalan kekal bersama di kubur

Manusia bergelumang dosa, maksiat akan terima seksaan di alam barzakh

Rasulullah SAW bersabda: "Tiga perkara yang akan mengikuti orang mati (ketika jenazahnya dibawa ke kubur) iaitu kaum keluarga, harta benda (kendaraan yang menghantarnya) dan amalan (yang telah dikerjakan semasa hidupnya).

Dua perkara akan pulang (kembali ke rumah), satu perkara saja akan tinggal. Yang pulang ialah kaum keluarga dan harta bendanya, dan yang akan tinggal dan ikut bersamanya (ke alam barzakh) hanyalah amal kebajikannya." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Pindah ke alam barzakh

Apabila matinya seseorang, maka berpindahlah ia dari alam dunia ke alam berikutnya iaitu alam barzakh. Mukmin yang menginsafi wujud dan hebatnya azab kubur (berdasarkan keterangan al-Quran dan hadis) tentu akan gerun membayangkan diri yang bakal menghuni alam barzakh.

Jelasnya, siapapun tidak mengetahui nasibnya kelak di alam barzakh sama ada bahagia atau sengsara. Namun segala-galanya bergantung kepada amalannya semasa di dunia, adakah menu-

rut perintah Allah atau sebaliknya.

Timbulnya keinsafan akan mendorong Mukmin untuk bersungguh-sungguh meningkatkan pengabdian dan ketaatan kepada Allah, menghindari segala perlakuan dosa, maksiat, kerana kehidupan dunia ini sebenarnya kesempatan untuk melakukannya amal salih serta merebut reda Allah SWT.

Azab seksa

Alam barzakh sesungguhnya adalah masa menunggu hingga tibanya hari kiamat. Bagi manusia yang di dunia bergelumang perlakuan dosa dan maksiat, akan menerima azab seksa hingga hari kiamat. Mereka yang beriman pula

memperoleh nikmat.

Sahabat Rasulullah SAW, Saidina Uthman bin 'Affan walaupun dijanjikan syurga, namun beliau begitu takut mengenangkan azab kubur. Siapalah kita umat akhir zaman ini jika dibandingkan dengan Saidina Uthman, sahabat dan ulama yang tinggi darjatnya, hebat ilmu serta ibadahnya.

Sewaktu melintasi kawasan perkuburan pada suatu hari, Saidina Uthman yang sedang berjalan tiba-tiba langkahnya terhenti, beliau diam sejenak, kemudian terlihat air matanya mengalir hingga membasahi janggutnya.

Seorang sahabat datang menghampiri apabila melihat Saidina Uthman menangis teresak-esak lalu bertanya: "Wahai Amirul mukminin, semasa menyebut perihal syurga dan neraka serta penderitaan di hari akhirat, saya tidak pernah melihat anda menangis. Tetapi hari ini anda kelihatan menangis apabila melintasi kawasan perkuburan. Apakah sebabnya wahai Amirul mukminin?"

“

Jelasnya, siapapun tidak mengetahui nasibnya kelak di alam barzakh sama ada bahagia atau sengsara. Namun segala-galanya bergantung kepada amalannya semasa di dunia, adakah menurut perintah Allah atau sebaliknya”

Penginapan akhirat

Jawab Saidina Uthman: "Kerana saya takutkan peringatan Nabi SAW melalui sabdanya: Sesungguhnya kubur itu ialah penginapan pertama antara penginapan akhirat, maka sekiranya seseorang itu terlepas daripada seksaannya, maka apa yang akan datang kemudian (yakni azab di akhirat) akan (jadi) lebih mudah lagi, (tetapi) seandainya seseorang itu tidak terlepas (kandas) daripada (seksaannya), maka yang akan datang sesudahnya akan (jadi) lebih sukar (berat, dahsyat)." (Riwayat at-Tirmizi)

Saidina Uthman kemudian mengesat air matanya lalu menyambung ungkapannya: "Jika saya di neraka, saya akan bersama manusia lain, jika saya di alam akhirat, saya pun bersama manusia lain, tetapi jika aku berada di alam kubur/barzakh, maka tiada seorang manusia pun bersamaku. Tinggallah aku bersendirian di alam pusara, sebab itulah aku menangis."



WAN AMINUR-RASHID WAN ABD HAMID

Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam Universiti, Universiti Putra Malaysia